

SYARAT KELAYAKAN MASUK KE PROGRAM *FOUNDATION*

SYARAT KELAYAKAN MASUK UMUM KE PROGRAM *FOUNDATION*

Memiliki SPM atau yang setaraf dengan minimum 5 Kepujian dalam mana-mana mata pelajaran.

SYARAT KELAYAKAN MASUK KE PROGRAM *FOUNDATION IN SCIENCE* DAN *A-LEVEL (SCIENCE)*:

PPT perlu memastikan syarat kelayakan masuk ke program *Foundation in Science* dan *A-Level (Science)* mengambil kira keperluan mata pelajaran tertentu pada peringkat SPM sekiranya pelajar memilih untuk menyambung pengajian ke bidang-bidang berikut:

i. Lanjutan pengajian ke bidang Perubatan:

Memiliki SPM atau yang setaraf dengan sekurang-kurangnya Gred B dalam 5 mata pelajaran iaitu Biologi, Kimia, Fizik, Matematik (atau Matematik Tambahan) dan satu mata pelajaran yang lain.

ii. Lanjutan pengajian ke bidang Pergigian:

Memiliki SPM atau yang setaraf dengan sekurang-kurangnya Gred B dalam 5 mata pelajaran iaitu Biologi, Kimia, Fizik, Matematik (atau Matematik Tambahan) dan satu mata pelajaran yang lain.

iii. Lanjutan pengajian ke bidang Farmasi:

Memiliki SPM atau yang setaraf dengan sekurang-kurangnya Gred B dalam 5 mata pelajaran iaitu Biologi, Kimia, Fizik, Matematik (atau Matematik Tambahan) dan satu mata pelajaran yang lain.

iv. Lanjutan pengajian ke bidang Sains Kesihatan Bersekutu:

Memiliki SPM atau yang setaraf dengan sekurang-kurangnya Kepujian dalam 5 mata pelajaran termasuk Biologi, Kimia, Fizik, Matematik, dan satu mata pelajaran yang lain.

v. Lanjutan pengajian ke bidang Kejuruteraan:

Memiliki SPM atau yang setaraf dengan sekurang-kurangnya Kepujian dalam 5 mata pelajaran termasuk Matematik dan Fizik.

vi. Lanjutan pengajian ke bidang Alam Bina:

Memiliki SPM atau yang setaraf dengan sekurang-kurangnya Kepujian dalam 5 mata pelajaran termasuk Matematik.

vii. Lanjutan pengajian ke bidang Sains yang lain:

Memiliki SPM atau yang setaraf dengan sekurang-kurangnya Kepujian dalam 5 mata pelajaran termasuk Matematik dan 2 mata pelajaran Sains.

Catatan:

- a. Penetapan kelayakan masuk sesuatu program oleh Pemberi Pendidikan Tinggi adalah tertakluk kepada Standard, Standard Program, ketetapan Badan Profesional, ketetapan pihak berkuasa dan pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa.
- b. Memiliki SPM bermaksud lulus Bahasa Melayu dan lulus Sejarah (bermula SPM Tahun 2013).
- c. Penetapan keperluan gred Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris peringkat SPM bagi kemasukan ke program-program di bawah badan profesional adalah mengikut standard/manual/ketetapan badan profesional berkenaan.